

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

Laporan Penyelidikan

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN
BERDASARKAN MASALAH DALAM SUBJEK USUL FIQH:
SATU KAJIAN DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Perpustakaan KUIM



1000026080

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Laporan Penyelidikan

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KAEDAH PEMBELAJARAN
BERDASARKAN MASALAH DALAM SUBJEK USUL FiqH:
SATU KAJIAN DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

KOD: P (1) / C / 2005

Ketua Penyelidik:

Irwan bin Mohd Subri (S100)
(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)
E-mel: irwan@admin.kuim.edu.my

Penyelidik Bersama:

Abdul Manan bin Ismail (S058)
(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)
E-mel: abdmanan@admin.kuim.edu.my

Azman bin Ab Rahman (S092)
(Fakulti Syariah dan Undang-Undang)
E-mel: azman@admin.kuim.edu.my

Nursilah binti Ahmad (S215)
(Fakulti Ekonomi dan Muamalat)
E-mel: nursilah@admin.kuim.edu.my

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Laman Web: www.kuim.edu.my


Februari 2006

PENGAKUAN

Kami akui bahawa keseluruhan isi penyelidikan ini adalah hasil kerja kami sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya kami jelaskan sumbernya.


Tarikh: 25 Februari 2006

Ketua Penyelidik




Irwan bin Mohd Subri


Penyelidik Bersama



Abdul Manan bin Ismail



Azman bin Ab Rahman



Nursilah binti Ahmad

PRAKATA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Pujian yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadirat Allah SWT, tuhan yang menciptakan semua makhluk. Selawat dan salam sebanyak-banyaknya bagi utusan termulia dan terpuji Rasulullah SAW, bagi keluarga Baginda, para Sahabat dan seterusnya mereka yang mengikuti panduan Baginda hingga tibanya hari kiamat yang dijanjikan oleh Allah SWT.

Kami amat bersyukur ke hadirat Ilahi kerana dengan limpah kurniannya, kami dapat menyempurnakan penyelidikan ini yang bertujuan melihat persepsi para pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia terhadap penggunaan masalah dalam subjek usul fiqh.

Terima kasih dihulurkan kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) amnya serta Fakulti Syariah dan Undang-undang dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat khususnya yang telah memberi kepercayaan kepada kami untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak hingga penyelidikan ini sempurna disiapkan.

Semoga penyelidikan ini dapat memberi sumbangan kepada pembangunan, peningkatan dan pemantapan kurikulum subjek Usul Fiqh khususnya dan subjek pengajian Islam yang lainnya amnya agar melahirkan pelajar yang lebih berwibawa.

ABSTRAK

Penyelidikan ini meninjau persepsi pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia terhadap penggunaan satu metode pengajaran dalam subjek Usul Fiqh. Metode tersebut ialah penggunaan “masalah” yang dibentangkan kepada para pelajar dan mereka diminta untuk membincangkannya berdasarkan nas-nas al-Quran, Sunnah, kaedah-kaedah Usul Fiqh dan Qawaid Fiqh. Ia bagi membina keyakinan, kemahiran dan kebolehan para pelajar dalam berhujah mengenai sesuatu isu kerana mereka adalah pelapis para mujtahidin terdahulu. Penyelidikan ini bukan sahaja ingin mengetahui persepsi pelajar terhadap metode pengajaran ini, bahkan ingin mendapatkan maklum balas mereka seterusnya ingin mencadangkan agar metode ini digunapakai dalam setiap subjek pengajian Islam. Hasil kajian mendapati bahawa responden memberikan impak positif terhadap kaedah pembelajaran berdasarkan masalah (PBM). Dapatan kajian juga menunjukkan penggunaan PBM membantu meningkatkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan pelajar.

ABSTRACT

This research explores the students of Faculty Syariah and Law, Islamic University College of Malaysia's perception on the application of teaching methodology for the subject of Usul Fiqh. This method refers to the application of "problem" which has been presented to the students and they were asked to discuss it based on al-Quran, Sunnah, methodology of Usul Fiqh and Qawaid Fiqh. This method will be able to build confident, skills and the students' capabilities in providing proof and reason on any issue in order to facilitate themselves to become bright future generations who will continue the works of previous mujtahidin. This research is not only intended to get the students' perception on this teaching methodology but in fact it is done in order to get their response and it is indeed suggested that this method should be implemented in every subject of Islamic studies. The research findings found that the respondents showed positive impact on the learning methodology based on "problematic based learning" (PBL). The result of the research also shows that the application of PBL is able to assist the students to develop their thinking skills to be more creative and critical.

ملخص البحث

قام هذا البحث بالاطلاع على وجهة نظر طلبة كلية الشريعة والقانون بجامعة العلوم الإسلامية بماليزيا وأراءهم في المنهج التعليمي لمادة أصول الفقه. وهذا المنهج يعتمد على استخدام "المسألة" المعروضة على الطلبة حيث تطلب منهم مناقشتها مؤيدة بالنصوص من القرآن الكريم والسنة الشريفة وقواعد أصول الفقه والقواعد الفقهية. ويهدف المنهج إلى تقوية ثقتهم بالنفس ورفع مستوى مهارتهم وقدرتهم في مناقشة مسألة ما ومقارعة الحجة بالحجة. وذلك نظر إلى أنهم يعتبرون جيلا جديدا من المجتهدين في المستقبل. وهذا البحث لا يقتصر على معرفة مدى استجابة الطلبة في استخدام المنهج بل يتعدى إلى تقديم الاقتراح باستخدامه في تدريس مواد الدراسات الإسلامية الأخرى. وأشار هذا البحث إلى الاستجابة الايجابية من المستجيبين في استخدام هذا المنهج التعليمي. وتوصل إلى أن المنهج التعليمي المبني على عرض "المسألة" يفيد الطلبة برفع مستوى مهارتهم في التفكير الإبداعي والنقدي.

DAFTAR KANDUNGAN

Pengakuan	i
Prakata	ii
Abstrak	iii
Abstract	iv
ملخص البحث	v
Daftar Kandungan	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Lampiran	xi

BAB 1

PENGENALAN

1.1	PENDAHULUAN	1
1.2	SKOP KAJIAN	2
1.3	OBJEKTIF KAJIAN	3
1.4	KAJIAN LEPAS	4
	1.4.1 Penyelidikan	4
	1.4.1.1 Pengajaran Usul Fiqh di Malaysia: Satu Analisis	4
	1.4.2 Kertas Kerja	6
	1.4.2.1 Pengajian Usul Fiqh Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal	6
	1.4.2.2 Kaedah Kajian Masalah Dalam Pengajaran Usul Fiqh	8
1.5	METODOLOGI KAJIAN	9
	1.5.1 Unit Kajian dan Sampel	9
	1.5.2 Kutipan Data	10
	1.5.3 Analisis Data	11
1.6	PROPOSISI KAJIAN	11
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	12

BAB 2

USUL FIQH DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

2.0	PENGENALAN	13
2.1	DEFINISI USUL FIQH	13
2.2	SEJARAH PERKEMBANGANNYA	13
	2.2.1 Zaman Rasulullah SAW	13
	2.2.2 Zaman Para Sahabat RA	17

2.2.3 Zaman Para Tabi ^c in	18
2.2.4 Zaman Para Tabi ^c Tabi ^c in	18
2.3 KEPENTINGAN DAN FAEDAH MEMPELAJARI ILMU USUL FIQH	20
2.4 FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG, KUIM	22
2.4.1 Subjek Usul Fiqh	23

BAB 3

DAPATAN KAJIAN

3.0 PENDAHULUAN	27
3.1 DAPATAN KAJIAN SECARA KESELURUHAN	28
3.1.1 Bahagian A: Latarbelakang Responden	28
a. Umur	28
b. Jantina	29
c. Tahun Pengajian	29
d. Negeri Asal	29
e. Lokasi Penempatan	30
f. Status Perkahwinan	30
g. Latar Belakang Pendidikan	30
h. Pernah Mempelajari Subjek Usul Fiqh	30
i. Metod Penyampaian Subjek Usul Fiqh	31
j. Keberkesanan Metod Pengajaran Subjek Usul Fiqh	31
3.1.2 Bahagian B: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Masalah	33
a. Setuju Guna Masalah	37
b. Masalah Satu Pembaharuan	38
c. Penggunaan Masalah Ceriakan Kelas	38
d. Masalah Tarik Minat Pelajar Bercakap	38
e. Masalah Galak Pelajar Berdebat	39
f. Masalah Galak Pelajar Beri Pandangan	39
g. Masalah Galakkan Pemikiran Kreatif	39
h. Masalah Galakkan Pemikiran Kritis	40
i. Menarik	40
j. Berkesan	40
k. Meningkatkan PNGS	40
l. Tingkat Kefahaman	41
m. Tambah Keyakinan	41
n. Sesuai	41
o. Perhatian Individu	41
p. Masa Mencukupi	42
q. Pensyarah Komited	42
r. Pensyarah Sedia Bantu	42
s. Pensyarah Berpengetahuan	43
t. Pensyarah Beri Jawapan Masalah	43

u. Pensyarah Patut Beri Jawapan Masalah	43
v. Jawapan Tingkat Kemahiran Subjek	44
3.1.3 Bahagian C: Keberkesanan Penggunaan Masalah	44
a. Kaedah Masalah Sesuai Digunakan	45
b. Masalah Mantap Kefahaman Subjek	45
c. Maklumat Mudah Difahami	45
d. Penyampaian Teratur	45
e. Masalah Jelas	45
f. Masalah Realistik	46
g. Masalah Merujuk Isu Semasa	46
h. Masalah Bersesuaian Tahap Pengetahuan Pelajar	46
i. Masalah Tarik Minat Pelajar	47
j. Masalah Sesuai Gaya Pembelajaran Pelajar	47
k. Masalah Mudahkan Kefahaman Subjek	47
3.1.4 Bahagian D: Prospek Penggunaan Masalah	49
a. Pilih Kelas Guna Masalah	50
b. Guna Masalah Secara Meluas Di Masa Hadapan	50
c. Terus Guna Masalah Dalam Subjek Usul Fiqh	50
d. Guna Masalah Dalam Subjek Lain	50
e. Tingkat Jati Diri	51
f. Tingkat Daya Saing	51
g. Pendidikan Ke Arus Perdana	51
h. Masalah Jadikan Mahasiswa KUIM Unik	51
i. Bantu Kebolehpasaran Pelajar	52
j. Bantu Kebolehdapatan Pekerjaan	52
k. Sifat Mujtahid	52
3.2 ANALISA MASALAH-MASALAH PILIHAN	54
Kategori Pertama: Pelajar Tahun Tiga	57
a. Renangan Malik Maidin	57
b. Langkah Pencegahan SARS	57
Kategori Kedua: Pelajar Tahun Dua	57
a. Tol Jelapang	57
b. Konsert Sure Heboh TV3	57
c. Kuiz SMS	57
d. Pemeriksaan HIV Sebelum Kahwin	58
e. Pakaian Atlit Sukan	58
f. Maraton Subuh	58
Ulasan Umum Oleh Responden	58
Cadangan Masalah	58
3.3 ANALISA SKOR PURATA, VARIANS DAN ANALISIS FAKTOR	59
3.3.1 Analisa Umum Skor Purata dan Varians	59
3.3.2 Analisis Faktor (<i>Factor Analysis</i>)	63
3.3.3 Analisis Faktor Bahagian B: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Masalah	64

DAFTAR ISI	
3.3.4 Analisis Faktor Bahagian C: Keberkesanan PBM	68
3.3.5 Analisis Faktor Bahagian D: Prospek Masa Hadapan PBM	69
BAB 4	
PENUTUP	
KESIMPULAN	72
LAMPIRAN	75
RUJUKAN	109

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
Jadual 3.1: Maklumbalas Responden	28
Jadual 3.2: Profil Keseluruhan Responden	31
Jadual 3.3: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Masalah	34
Jadual 3.4: Keberkesanan Penggunaan Masalah	47
Jadual 3.5: Prospek Penggunaan Masalah	52
Jadual 3.6: Tahap Kesesuaian Masalah-Masalah Pilihan	55
Jadual 3.7: Skor Purata dan Varians Masalah Yang Digunakan Dalam PBM	60
Jadual 3.8: Purata dan Varians Kategori Persepsi dan Maklumbalas Pelajar	61
Jadual 3.9: Purata dan Varians Kategori Keberkesanan PBM	62
Jadual 3.10: Purata dan Varians Kategori Prospek PBM	63
Jadual 3.11: Faktor Analisis: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Masalah	65
Jadual 3.12: Faktor Analisis: Keberkesanan PBM	68
Jadual 3.13: Faktor Analisis: Prospek Masa Hadapan PBM	70

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Tajuk	Muka Surat
Lampiran A	Soalan Kaji Selidik (set 1)	75
Lampiran B	Soalan Kaji Selidik (set 2)	83
Lampiran C	Masalah Perbincangan Dalam Tutorial	91
Lampiran D	Komentor Umum Daripada Dan Cadangan Masalah Yang Boleh Dibincangkan Dalam Kelas.	93
Lampiran E	Analisis Faktor Bahagian B: Persepsi Responden Terhadap Penggunaan Masalah	103
Lampiran F	Analisis Faktor Bahagian C: Keberkesanan PBM	105
Lampiran G	Bahagian D: Prospek Masa Hadapan PBM	107

BAB I

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Usul Fiqh merupakan subjek yang penting dalam pengajian syariah. Ini kerana Usul Fiqh adalah mekanisme *istinbat* hukum yang diperlukan oleh para mujtahid. Melalui kaedah-kaedah Usul Fiqh, mereka dapat mengeluarkan hukum hakam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Mereka juga dapat membina hukum terhadap isu-isu baru yang tidak tersebut dalam al-Quran dan al-Sunnah. Lantaran itulah semua institusi pengajian Islam samada di peringkat pondok, sekolah agama atau universiti menjadikannya sebagai subjek wajib dan teras kepada pengajian syariah. Tanpa Usul Fiqh, pengajian ilmu Syariah akan menjadi pincang. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) juga menawarkan subjek Usul Fiqh menerusi program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman.

Subjek Usul Fiqh di KUIM ditawarkan dalam dua kursus, yang pertama LAA 1042 Usul Fiqh 1 (Kursus Teras Pengajian Islam) yang terletak di bawah komponen Kursus Teras Fakulti. Subjek LAA 1042 Usul Fiqh 1 ini adalah subjek wajib kepada pelajar-pelajar semua fakulti di KUIM iaitu Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM). Manakala kedua ialah LAA 2013 Usul Fiqh 2 (Kursus Program), hanya wajib kepada pelajar-pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) sahaja sebagai subjek pengkhususan bidang.

Sistem pengajian pondok memperlihatkan bahawa, subjek Usul Fiqh diajar dalam bentuk talaqqiyy/halaqah. Di sekolah-sekolah menengah agama, ia diajar dalam kelas berdasarkan silibus yang telah ditetapkan. Manakala di peringkat universiti pula, ia diajar dalam bentuk kuliah dan tutorial seperti yang diamalkan oleh universiti-universiti tempatan atau hanya dalam kuliah sahaja seperti di universiti al-Azhar. Boleh dikatakan kesemua bentuk pengajian yang disebutkan itu kebanyakannya

mengamalkan cara “*one way traffic*” atau tradisional sahaja iaitu guru mengajar dan pelajar mendengar.

Cara ini dilihat tidak banyak membantu para pelajar dalam memahami pelajaran termasuk Usul Fiqh. Oleh sebab itulah Prof. Dato’ Dr. Mahmood Zuhdi mengesyorkan supaya subjek ini tidak terus menjadi mandul kerana tidak boleh melahirkan pelajar-pelajar yang mampu memahami dan mengaplikasi apa yang dipelajarinya. Ini bererti metode pengajian dan pengajaran Usul Fiqh perlulah berubah dengan menggabungkan antara unsur teori dan amali.

Penyelidikan ini cuba meninjau kaedah pembelajaran berdasarkan masalah dalam subjek Usul Fiqh yang telah diamalkan di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia untuk melihat keberkesanannya. Metode ini memerlukan para pelajar terlibat secara lansung dalam perbincangan tajuk yang diberikan dalam kelas. Para pelajar berbincang samada pro atau kontra berdasarkan teori-teori yang dipelajari daripada subjek Usul Fiqh.

Kaedah pembelajaran berdasarkan masalah telah lama dipraktikkan dalam bidang undang-undang, perubatan, sains, ekonomi dan lain-lain. Ia menunjukkan natijah yang baik hasil daripada pendekatan sebegini dalam pengajaran dan pembelajaran dalam bidang-bidang yang disebutkan. Justeru, pendekatan ini juga boleh dilaksanakan dalam pengajian subjek-subjek pengajian Islam untuk melahirkan pelajar-pelajar yang lebih berfikiran kritis, kreatif dan kompetitif.

1.2 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan menumpukan kepada metode pengajaran yang telah dilaksanakan oleh pensyarah subjek LAA 2013 Usul Fiqh 2 di Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), KUIM. Metode pengajaran yang dimaksudkan ialah “Kaedah Pembelajaran Berdasarkan Masalah” sebagai bahan perbincangan dalam kelas tutorial. Metode pengajaran ini telah dimulakan pada semester 1 tahun 2 sesi 2003/2004 sebagai percubaan dengan menggunakan dua masalah iaitu “Renangan Malik Maidin” dan

“Langkah Pencegahan SARS”. Ia diteruskan pada semester 1 tahun 2 sesi 2004/2005 dengan menggunakan enam masalah iaitu “Pemindahan Tol Jelapang”, “Konsert Sure Heboh TV3”, “Kuiz SMS”, “Pemeriksaan Status Kesihatan HIV Sebelum Perkahwinan”, “Pakaian Atlit Sukan” dan “Maraton Pada Waktu Subuh”.

Kajian ini akan memfokuskan kepada aspek-aspek berikut:

1. Kaedah Pembelajaran Berdasarkan Masalah. Ia dihadkan kepada 8 masalah yang telah dibincangkan oleh pelajar-pelajar FSU, KUIM daripada tahun 2003 sehingga 2005.
2. Kajian ke atas sampel pelajar tahun kedua dan ketiga FSU, KUIM pada semester 2, sesi 2003/2004 dan 2004/2005. Kajian lanjutan mungkin akan melibatkan pelajar-pelajar daripada IPTA di seluruh Malaysia.
3. Subjek Usul al-Fiqh. Pendekatan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah dalam bilik kuliah ini akan bersandarkan kepada pengalaman pelajar semasa mempelajari subjek Usul Fiqh. Pada masa hadapan, skop matapelajaran mungkin boleh diperluaskan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat berdasarkan beberapa objektif berikut:

- i. Mengetahui persepsi dan maklum balas pelajar terhadap kaedah pembelajaran berdasarkan masalah dalam subjek Usul Fiqh di KUIM.
- ii. Memantapkan metode pengajaran kaedah pembelajaran berdasarkan masalah.
- iii. Menyebarluaskan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah dalam subjek-subjek pengajian Islam yang lain.

1.4 KAJIAN LEPAS

Kajian atau penulisan yang pernah dilakukan berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Usul Fiqh di Malaysia adalah seperti berikut:

1.4.1 Penyelidikan

1.4.1.1 Pengajaran Usul Fiqh di Malaysia: Satu Analisis

Penyelidikan ini telah dilakukan oleh Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Abd Majid, Profesor di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Penyelidikan ini telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan ia bertujuan meninjau metode pengajaran yang dilaksanakan di beberapa Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia iaitu di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS).

Objektif penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Memahami falsafah dan objektif pengajaran Usul Fiqh di institusi-institusi berkenaan dengan jelas.
- ii. Meneliti kurikulum yang digunakan dalam pengajaran berkenaan dan tempoh masa yang digunakan bagi tujuan tersebut.
- iii. Menilai kemampuan para guru dalam membimbing para pelajar ke arah mencapai kemahiran melakukan penyelidikan hukum Islam melalui proses pembelajaran berkenaan.
- iv. Mengukur minat pelajar terhadap subjek Usul Fiqh dan harapan masing-masing bagi memperolehi kemahiran yang dimaksudkan.

- v. Meneliti kaedah pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran berkenaan dan menilai samada ia boleh membantu ke arah mencapai objektif pengajaran yang ditentukan.
- vi. Menilai pencapaian pelajar dalam subjek berkenaan berasaskan markah yang diperolehi dalam peperiksaan dan kemahiran sebenar yang dicapai melalui proses tersebut.

Penyelidikan ini dibantu oleh seramai 43 orang pelajar sebagai pembantu penyelidik, penyelidikan berkenaan menggunakan pelbagai metode untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Metode-metode tersebut ialah:

- i. Menyemak rekod-rekod dan dokumen tentang falsafah, objektif, kurikulum, buku teks, buku rujukan dan bahan-bahan lain yang berkaitan.
- ii. Menemubual para pensyarah dan guru yang mengajar subjek berkenaan bagi mendapatkan pandangan masing-masing tentang kurikulum, isi pengajaran, kaedah dan sebagainya.
- iii. Melakukan soal selidik di kalangan para pelajar bagi mengetahui minat dan persepsi mereka terhadap subjek berkenaan dan pencapaian mereka sendiri dalamnya.
- iv. Melakukan observasi secara umum, samada secara luaran atau dalaman, bagi meneliti suasana pembelajaran samada mempunyai kualiti yang sewajarnya atau sebaliknya.

Hasil penyelidikan ini telah dibentang dalam Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUF 2004) anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia pada 15-16 Disember 2004. Lihat perkara 1.4.2.1 di bawah.

1.4.2 Kertas Kerja

1.4.2.1 Pengajian Usul Fiqh Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

Kertas kerja ini ditulis oleh Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, Prof. di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ia adalah hasil analisa daripada penyelidikan yang telah dijalankan oleh Prof. Dato' Dr. Mahmood Zuhdi dan kemudiannya telah dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 (SUFH 2004) anjuran Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Malaysia pada 15-16 Disember 2004 bertempat di Institut Latihan Keselamatan KWSP (ESSET), Bangi, Selangor.

Kertas kerja ini dibahagikan kepada beberapa sub topik:

- i. Pendahuluan dan latarbelakang: ia meninjau fungsi Usul Fiqh sebagai metodologi penyelidikan hukum, sejarah pengajaran Usul Fiqh di Nusantara dan Malaysia.
- ii. Realiti sekarang: ia meninjau senario pengajaran subjek Usul Fiqh di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia iaitu di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Islam Darul Ridzuan (KISDAR) dan Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS).
- iii. Objektif pengajaran: hasil data yang diperolehi, boleh dikatakan subjek Usul Fiqh di institusi-institusi berkenaan tidak diajar sebagai satu kemahiran untuk digunakan bagi tujuan penyelidikan hukum, tetapi sebagai satu ilmu dengan tujuan untuk memahami proses penentuan hukum itu dilakukan sahaja. Ini difahami daripada objektif-objektif subjek Usul Fiqh yang tertulis dalam dokumen-dokumen berkaitan.

- iv. Kurikulum: secara umumnya, kurikulum yang digunakan oleh institusi-institusi berkenaan di Malaysia lebih bersifat akademik daripada praktikal. Walaupun ia mungkin boleh membantu pelajar menjadi alim tetapi tidak membantu mereka lebih mahir dalam menggunakan ilmu berkenaan sebagai metode penyelidikan hukum, sedangkan objektif sebenar pengajaran Usul Fiqh ialah memberi kemahiran kepada pelajar untuk melakukan penyelidikan berkenaan.
- v. Pembelajaran: ia meninjau kaedah pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi berkenaan. Hasil pemerhatian, didapati bahawa kebanyakan pensyarah atau guru yang mengajar subjek ini tidak mempunyai latihan mengajar yang mencukupi atau baik. Penekanan dalam pengajaran hanya berkisar sekitar memahami proses konsep-konsep yang ada dalam Usul Fiqh dan kurang penekanan mengenai proses merealisasikan konsep-konsep berkenaan dalam realiti hidup.
- vi. Minat dan pencapaian pelajar: didapati minat pelajar di institusi-institusi berkenaan terhadap subjek Usul Fiqh berbeza-beza. Tahap minat minima ialah sekitar 65% manakala maksimanya ialah 95%. Di sesetengah institusi, 80% nisbah pelajar mengatakan Usul Fiqh amat berfaedah bagi mereka dalam pengajian Syariah dan di sesetengah institusi hanya sekitar 60% nisbah pelajar mengatakan sedemikian.
- vii. Penutup: kertas kerja ini mencadangkan agar institusi-institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia perlu menilai kembali falsafah dan objektif pembelajaran Usul Fiqh dan menggariskan kurikulum yang sesuai berdasarkan objektif yang praktikal. Satu bengkel yang serius perlu diadakan bagi tujuan tersebut untuk menyelaras hal-hal seperti itu antara institusi-institusi yang ada.

1.4.2.2 Kaedah Kajian Kes Dalam Pengajaran Usul Fiqh

Kertas kerja ini ditulis oleh Irwan bin Mohd Subri, Abdul Manan bin Ismail dan Nursilah binti Ahmad, pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia. Ia dibentangkan di Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan bertempat di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru, anjuran Fakulti Pendidikan, UTM pada 19-21 Oktober 2003. Kertas kerja ini memfokuskan tentang penggunaan Kajian Kes atau “*Case Study*” sebagai alat bantuan mengajar yang berasaskan “*Problem Based Learning*”.

Kertas kerja ini dibahagikan kepada beberapa sub topik:

- i. Mukaddimah: ia meninjau secara umum pengajaran subjek Usul Fiqh di institusi-institusi pengajian daripada pondok, sekolah menengah agama dan universiti di Malaysia. Pada kebiasaannya ia diajar secara tradisional iaitu guru mengajar dan pelajar mendengar.
- ii. Definisi Usul Fiqh: ia meninjau definisi-definisi dan maksud ilmu Usul Fiqh dipelajari.
- iii. Definisi dan latar belakang kajian kes: ia melihat definisi kajian kes dan sejarah penggunaannya dalam pengajaran bidang-bidang tertentu seperti perundangan dan perubatan. Pengajaran dan pembelajaran kajian kes ialah konsep dua hala antara pensyarah dan pelajar yang memerlukan lebih komunikasi pelajar berbanding pensyarah.
- iv. Aplikasi kajian kes dalam subjek Usul Fiqh: penulis kertas kerja ini cuba mengaplikasikan metode ini dalam pengajaran Usul Fiqh. Satu set “kes” yang bertajuk “Pencegahan SARS” dan satu set panduan mengajar telah disediakan oleh beliau sebagai bahan untuk digunakan dalam pengajaran yang berteraskan kajian kes.
- v. Kesimpulan dan penutup: Kajian kes mungkin merupakan salah satu alternatif mengatasi masalah lambakan graduan dikalangan pelajar aliran

agama. Kemahiran berkomunikasi, berhujah serta kemahiran menulis laporan yang pendek, tepat dan padat adalah antara kriteria utama meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan. Kemahiran yang diperolehi adalah natijah utama penggunaan kajian kes ke arah pemupukan budaya *us:vatan hasanatan*.

Penyelidikan yang ingin dijalankan oleh para penyelidik adalah suatu perkara yang berbeza kerana ia memfokuskan kepada penggunaan beberapa masalah yang telah digunakan dalam tutorial oleh salah seorang penyelidik. Kelainan dan perbezaan “Kajian Kes” dan “Kaedah Pembelajaran Berdasarkan Masalah” ialah, kajian kes mempunyai format penulisan tersendiri seperti yang telah ditetapkan oleh *Case Writing Assosiation of Malaysia (CWAM)* dan ia dianggap hasil daripada sesuatu penyelidikan serta mempunyai hakcipta terpelihara. Manakala kaedah pembelajaran berdasarkan masalah tidak terikat dengan mana-mana syarat dan ia bebas digunakan oleh sesiapa sahaja. Ia juga bukanlah suatu penyelidikan, bahkan ia adalah sesuatu isu semasa yang diajukan kepada para pelajar untuk perbincangan.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi penyelidikan seperti berikut:

1.5.1 Unit Kajian dan Sampel

Kajian ini berbentuk bancian dan unit kajian adalah individu. Individu tersebut terdiri daripada pelajar Tahun Dua dan pelajar Tahun Tiga Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), KUIM sesi 2004/2005. Berdasarkan jumlah pelajar berdaftar, sampel kajian ini berjumlah 293 pelajar. Kumpulan pelajar ini dipilih berdasarkan fakta bahawa mereka telah diberi pendedahan menggunakan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah. Kaedah ini telah diperkenalkan oleh salah seorang ahli penyelidik sebagai salah satu metode alat bantuan mengajar di bilik kuliah/tutorial.

1.5.2 Kutipan Data

Kajian ini adalah satu kajian awal (*exploratory study*) dalam proses memperkenalkan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah kepada para pelajar aliran agama amnya, dan pelajar FSU, KUIM khususnya. Kaedah tinjauan menggunakan borang soal-selidik akan digunakan untuk mengumpul data. Satu instrumen tinjauan akan dibentuk. Rekabentuk instrumen diubahsuai berdasarkan instrumen kajian yang telah digunapakai oleh Zeithamal, Berry dan Parasuraman (1993) dalam artikel mereka yang bertajuk “The Nature and Determinants of Customer Expectations of Service”, serta instrumen kajian Mohammad Alias, Zurina Kefeli dan Nursilah Ahmad (2004) dalam kajian mereka yang bertajuk “Graduate Employability: A Case Study of Islamic Studies’ Graduates From Selected Public Institutions of Higher Learning in Malaysia”.

Untuk menguji keberkesanan instrumen kajian, satu kajian awal telah dilakukan kepada 23 responden. Kesahan instrumen kajian diuji menggunakan ujian Cronbach Alpha. Hasil kajian awal mendapati bahawa nilai Alpha adalah $\text{Alpha} = 0.90$. Dapatan yang diperolehi akan digunakan untuk penambahbaikan instrumen kajian. Rujuk lampiran 1 untuk Borang Soal Selidik kajian awal yang telah diedarkan.

Setelah proses penambahbaikan dilakukan, borang soal-selidik akan diedarkan kepada responden di dalam bilik kuliah pada pertengahan tahun 2005. Responden akan mengisi dan menyerahkan borang soal-selidik yang telah lengkap kepada ahli penyelidik samada semasa dalam kuliah ataupun dimasukkan ke dalam kotak kutipan borang soal-selidik yang diletakkan di luar pejabat penyelidik. Tempoh masa sebulan diperuntukkan untuk mengutip data.

Selain dari borang soal-selidik, temubual secara *ad-hoc* dengan pakar-pakar dalam bidang pengajaran Usul al-Fiqh juga akan dilakukan bagi memantapkan dapatan kajian. Sesi temubual peringkat awal dengan pakar-pakar bidang telahpun dimulakan semasa berlangsungnya Seminar Kebangsaan Usul Fiqh (SUFi) anjuran FSU pada 15-16 Disember 2004 yang lalu.

1.5.3 Analisis Data

Analisis deskriptif statistik akan digunakan dalam mengolah data menggunakan perisian SPSS versi 11.0. Diantara analisis yang akan dilakukan adalah:

- i. Analisis deskriptif profil kumpulan pelajar tahun 2 dan 3.
- ii. Analisis deskriptif persepsi responden terhadap pembelajaran berdasarkan masalah.
- iii. Analisis deskriptif responden terhadap keberkesanan pembelajaran berdasarkan masalah.
- iv. Analisis deskriptif responden terhadap prospek pembelajaran berdasarkan masalah pada masa hadapan.
- v. Analisis deskriptif responden terhadap masalah-masalah pilihan.

1.6 PROPOSISI KAJIAN

Kajian ini membawa beberapa proposisi yang menjadi teras kajian. Proposisi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Penggunaan pendekatan “*Problem Based Learning*” (PBL) berbentuk penggunaan masalah dalam bilik kuliah/tutorial akan meningkatkan tahap kefahaman pelajar.
- ii. Para pelajar dapat meningkatkan tahap kemahiran “*hard skills*” mereka melalui pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah.
- iii. Para pelajar dapat meningkatkan tahap kemahiran “*soft skills*” mereka melalui pendekatan pembelajaran berdasarkan masalah.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Beberapa kepentingan dapat dilihat daripada kajian ini iaitu:

- i. Menjadi pemangkin kepada kaedah pembelajaran berdasarkan masalah untuk disebarluaskan kepada subjek-subjek pengajian Islam lain.
- ii. Memartabatkan subjek-subjek pengajian Islam dengan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah, sesuai dengan arus pendidikan perdana.
- iii. Memberi sumbangan dalam pembinaan *thaqafah* pelajar-pelajar aliran agama melalui pengajaran yang berasaskan kepada kaedah pembelajaran berdasarkan masalah.

BAB II

USUL FIQH DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

2.0 PENGENALAN

Usul Fiqh merupakan ilmu penting yang perlu dipelajari dengan teliti sebelum melayakkan seseorang untuk berijtihad. Ia merupakan satu metodologi penyelidikan Islam yang rapi serta mempunyai disiplin ilmu yang kompleks. Pemahaman terhadap ilmu ini secara baik akan membantu untuk mengeluarkan hukum yang selari dengan roh Syariah. Sesuatu Fakulti atau Jabatan Syariah tidak akan sempurna tanpa memasukkan matapelajaran Usul Fiqh dalam silibus atau modul pembelajarannya. Sebagai contohnya KUIM telah mewajibkan para pelajarnya mengikuti subjek Usul Fiqh untuk memenuhi keperluan ijazah pertama.

2.1 DEFINISI USUL FIQH

Secara ringkasnya, ilmu Usul Fiqh diungkapkan sebagai satu pengetahuan tentang metodologi dan kaedah yang menjelaskan kepada para fuqaha tentang cara-cara mengistinbat hukum daripada dalil-dalil Syarak. Sebagaimana ia juga menerangkan tentang cara-cara *taufiq* dan *tarjih* terhadap dalil-dalil tersebut apabila berlaku pertentangan (dari sudut zahirnya). Ia menjadi satu ilmu yang mampu membimbing para fuqaha untuk mengistinbat hukum secara sistematik dan berkualiti (Salqini 1991).

2.2 SEJARAH PERKEMBANGANNYA

Setiap ilmu akan mengalami perkembangan dan mempunyai sejarahnya, termasuk ilmu Usul Fiqh. Ia telah melalui empat peringkat masa iaitu zaman Nabi SAW, Sahabat, Tabi^cin dan Tabi^c Tabi^cin.

2.2.1 Zaman Rasulullah SAW

Pensyariatian telah bermula dengan penurunan wahyu kepada Rasulullah SAW. Fiqh di zaman ini dikenali dengan fiqh wahyu yang bersumberkan dua sumber autoritatif iaitu al-Quran dan Sunnah (Zaydan 1990). Justeru, setiap permasalahan yang timbul di kalangan umat Islam akan dirujuk terus kepada Baginda SAW.

Secara asasnya, terdapat dua keadaan pensyariatian hukum di zaman tersebut iaitu:

a) Berlaku peristiwa yang memerlukan hukum atau terdapat pertanyaan di kalangan Sahabat kepada Rasulullah SAW. Dalam situasi ini, Baginda SAW akan menunggu wahyu daripada Allah Taala dan jika ia diturunkan, terjawablah persoalan tersebut. Manakala jika wahyu tidak diturunkan, Baginda SAW akan berijtihad.

Contoh bagi peristiwa yang memerlukan hukum ialah firman Allah Taala:

{ولا تتكحوا المشركات حتى يؤمن ولأمة مؤمنة خير من مشركة ولو أعجبتكم}

Maksudnya, "Dan janganlah kamu menikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya hamba wanita yang mukmin lebih baik dari wanita musyrik, walaupun dia menarik hatimu". al-Baqarah 221.

Ayat ini diturunkan bersempena dengan satu peristiwa apabila seorang Sahabat ingin mendirikan rumahtangga dengan seorang wanita kafir. Sahabat tersebut menunggu persetujuan Baginda SAW, selang beberapa ketika selepas itu, ayat ini telah diturunkan bagi menjelaskan hukum perkahwinan itu.

Manakala contoh bagi wahyu yang diturunkan hasil daripada pertanyaan Sahabat pula ialah Firman Allah Taala:

{ويسألونك عن المحيض قل هو أذى فاعتزلوا النساء في المحيض ولا تقربوهن حتى يطهرن}

Maksudnya, "Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: Haid itu adalah kotoran. Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri daripada wanita ketika waktu haid, dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka bersuci (untuk bersetubuh)". al-Baqarah 222.

Contoh daripada Sunnah ialah Hadis Nabi :

هو الطهور ماؤه الحل ميتته

Maksudnya, "Airnya (Laut) suci lagi menyucikan, dan bangkainya adalah halal" Riwayat *al-Khamsah*.

Hadis ini dilafazkan selepas para Sahabat bertanyakan tentang air laut dan keharusan berwuduk dengannya.

b) Terdapat juga hukum yang ditentukan tanpa melibatkan sesuatu peristiwa atau adanya persoalan, namun ia diperlukan kerana Syarak melihat adanya masalah dalam pensyariatannya. Contohnya ialah penerangan berkenaan kadar Zakat, Syura dan perincian terhadap hukum yang melibatkan keluarga.

Dalam isu ijtihad pula, para ulama berpandangan bahawa Baginda SAW diizinkan berijtihad dan Baginda SAW telah berijtihad dalam beberapa isu. Bahkan para Sahabatnya juga diizinkan untuk berbuat demikian (al-Khin 2000). Berikut adalah 2 contoh ijtihad Nabi SAW:

- i. Ijtihadnya dalam mengharamkan pemakaian sutera dan cincin emas kepada kaum lelaki (Salqini 1991).
- ii. Ijtihadnya dalam memberi kebenaran kepada beberapa orang Sahabat yang tidak dapat berperang bersama-sama dalam peperangan *Tabuk*. Baginda SAW telah diberi teguran oleh Allah Taala terhadap ijtihad tersebut .

Daripada 2 contoh ini, didapati bahawa terdapat ijtihad Nabi SAW yang tepat dan yang kurang tepat. Jika ia tepat, Allah Taala akan mengakuinya dan jika sebaliknya ia akan terus diperbetulkan oleh-Nya (al-Misri 1998). Justeru, tidak timbul lagi isu kesilapan Baginda SAW dalam berijtihad.

Para Sahabat juga pernah berijtihad pada era Rasulullah SAW, berikut adalah di antara ijtihad-ijtihad yang telah dilakukan oleh mereka:

- 1) 'Amru ibn al-'As pernah menceritakan bahawa pada satu malam yang sangat dingin, beliau telah bermimpi (yang mewajibkan mandi), lalu dibimbangi akan mendatangkan bahaya jika mandi. Justeru, beliau bertayammum kemudian bersembahyang subuh dengan para Sahabatnya. Apabila mereka kembali kepada Rasulullah SAW, peristiwa tersebut diceritakan kepada Baginda SAW. Lantas Baginda SAW bertanya kepadanya: Wahai 'Amru, kamu bersembahyang dengan para Sahabatmu sedangkan kamu berhadas besar? Lalu 'Amru menjawab dengan Firman Allah Taala:

{وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا}

Maksudnya, "Dan janganlah kamu membunuh dirimu, sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu". al-Nisa' 29.

Selepas itu, Baginda SAW ketawa dan tidak berkata apa-apa lagi. (Qindil 1994)

- 2) Jabir menceritakan bahawa, Kami pernah bermusafir, tiba-tiba salah seorang daripada kami telah dihempap batu yang menyebabkan luka di kepalanya. Kemudian lelaki tersebut telah bermimpi dan bertanyakan kepada Sahabatnya, adakah terdapat baginya *rukhsah*? Mereka membalas, "Kami merasakan tiada *rukhsah* kerana kamu mampu mendapatkan air". Lalu beliau mandi, kemudian meninggal dunia. Apabila mereka pulang daripada bermusafir, peristiwa tersebut diceritakan kepada Rasulullah SAW. Baginda SAW memarahi mereka kerana tidak bertanya kerana sebenarnya terdapat *rukhsah* bagi lelaki tersebut (Qindil 1994).

Pada kebiasaannya, para Sahabat Nabi SAW akan memberitahu Baginda SAW tentang ijthad-ijthad mereka sejeurus selepas pulang bermusafir. Jika ijthad tersebut betul, ia akan diperakui oleh Nabi SAW dan jika sebaliknya ia akan diperbetulkan (Jalal al-Din 1996). Zaman ini telah berakhir tanpa sebarang pembukuan terhadap kaedah-kaedah Usul Fiqh.

2.2.2 Zaman Para Sahabat RA

Pada era Sahabat RA, fiqh telah mula berkembang kerana para fuqaha Sahabat selepas kewafatan Nabi SAW, telah menghadapi pelbagai peristiwa dan kejadian baru yang tidak pernah berlaku di zaman Nabi SAW. Justeru, segala peristiwa ini memerlukan kepada hukum dan fatwa yang bersesuaian dan bertepatan dengan Syarak (Zaydan 1990).

Turutan metodologi mereka dalam beristinbat dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Menyelidik dalam al-Quran, jika tiada
- ii. Menyelidik dalam Sunnah, jika tiada
- iii. Berijtihad berlandaskan Maqasid a-Shari'ah dan isyarat nas (Zaydan 1990)

Ijtihad tersebut berlaku melalui salah satu daripada cara berikut iaitu:

- i. Qiyas.
- ii. Melihat kepada terdapatnya masalah (Jalal al-Din 1996).

Realitinya, kebanyakan ijtihad yang dilaksanakan pada zaman Abu Bakr dan 'Umar adalah ijtihad jama'i atau secara kolektif. Apabila terdapat sesuatu perkara yang memerlukan jawapan, Khalifah akan memanggil para Sahabat untuk berbincang. Terdapat juga ijtihad yang dilakukan secara bersendirian oleh para Sahabat (Zaydan 1990).

Contoh ijtihad yang telah dilakukan oleh para Sahabat, selepas kewafatan Nabi SAW ialah tindakan Sayyidina Abu Bakr untuk memerangi golongan yang enggan mengeluarkan Zakat. Pada peringkat awal, pandangan ini telah disanggah oleh Saidina 'Umar namun pada akhirnya ia dipersetujui juga (al-Qattan 1989).

Pada era ini, Usul Fiqh tidak dibukukan juga kerana tiada keperluan terhadapnya. Tambahan pula, para Sahabat mahir mengenai cara beristinbat, bahasa arab, *asbab nuzul* dan perkara-perkara lain yang diperlukan untuk berijtihad (Zaydan 1990).

2.2.3 Zaman Para Tabiⁱⁿ

Usul Fiqh pada zaman Tabiⁱⁿ juga seperti perkembangannya pada zaman Sahabat, tidak banyak yang dilakukan oleh Tabiⁱⁿ dalam memperkembangkan ilmu Usul Fiqh ketika itu kerana kebanyakan daripada mereka mempunyai ilmu yang kukuh dalam mengeluarkan hukum disebabkan terlalu hampir dengan zaman ketika hidupnya Rasulullah SAW disamping mempelajari ilmu daripada Sahabat-Sahabat Rasulullah SAW. Mereka mengeluarkan hukum seperti mana yang dilakukan oleh para Sahabat samaada dengan merujuk kepada al-Quran, as-Sunnah dan ijthihad mengikut kehendak syarak (Zaydan 2001). Para Tabiⁱⁿ ketika itu tidak merasakan keperluan untuk membentuk atau menyusun ilmu Usul Fiqh atau mengeluarkan hukum dalam bentuk baru kerana tidak ada keperluan yang mendesak ketika itu memandangkan kaedah pengeluaran hukum sama dengan kaedah yang digunakan oleh Sahabat-Sahabat Rasulullah SAW ketika itu.

2.2.4 Zaman Para Tabi^c Tabiⁱⁿ

Selepas tamatnya zaman Tabiⁱⁿ, generasi Tabi^c Tabiⁱⁿ telah berhadapan dengan pelbagai peristiwa semasa yang tidak berlaku ketika zaman Sahabat dan Tabiⁱⁿ yang mana mereka berhadapan dengan pembukaan negara-negara Islam lain, pencampuran orang Ajam (asing) dengan orang Arab yang menyebabkan penguasaan bahasa Arab merosot, bertambahnya ijthihad dan mujtahidin, timbulnya pelbagai kaedah dalam mengeluarkan hukum, banyak perbincangan dan perdebatan, banyaknya ramalan-ramalan dan sebagainya (Khallaf 1942).

Rentetan daripada itu, para Tabi^c Tabiⁱⁿ merasakan keperluan untuk meletakkan atau menentukan kaedah dan panduan dalam mengeluarkan hukum, yang harus dilihat atau dituruti oleh para mujtahid ketika berlakunya perselisihan pendapat dalam sesuatu isu untuk memastikan hukum yang dikeluarkan benar-benar sahih dan tepat (Zaydan 2001). Kaedah yang dimaksudkan itu hendaklah menepati gaya-gaya bahasa Arab, menepati kehendak syarak, memelihara masalah dan sebagainya yang merupakan

cara dan teknik para Sahabat untuk mengeluarkan hukum atau membuktikan sesuatu ketika dulu.

Setelah wujudnya beberapa kaedah dalam mengeluarkan hukum, ilmu Usul Fiqh semakin berkembang dan dikenali. Disebabkan daripada itu, muncullah beberapa tokoh ulama yang menyusun ilmu Usul Fiqh ini. Menurut riwayat ada yang mengatakan bahawa orang pertama yang menulis Usul Fiqh adalah Abu Yusuf yang telah meninggal dunia pada 182 hijrah sebagaimana yang disebut oleh Ibnu al-Nadim (Khallaf 1942), kemudian dituruti oleh Mohammad Hassan al-Syibani telah meninggal dunia pada 189 hijrah, tetapi tidak ada bukti yang menguatkan riwayat tersebut kerana tidak ditemui hasil karya mereka ataupun buku mereka sehingga kini oleh para penyelidik (Hassan Ahmad 1998). Terdapat juga golongan lain iaitu golongan Syiah yang mendakwa bahawa Muhamad Bakir Ali Zainal Abidin yang telah meninggal dunia pada 114 hijrah adalah penulis pertama Usul Fiqh kemudian disusuli oleh anaknya Muhamad Abdullah Jaafar al-Sodiq yang telah meninggal dunia pada 148 hijrah (Hassan Ahmad 1998).

Walau bagaimanapun menurut riwayat yang mashur orang pertama yang mengasas dan menyusun ilmu Usul Fiqh sebagai satu bidang ilmu yang berasingan adalah Imam al-Syafie atau Muhamad Idris al-Syafie yang telah meninggal dunia pada 204 hijrah. Ulama mengatakan bahawa kedudukan Imam al-Syafie dalam bidang Usul Fiqh adalah seperti kedudukan Aristotal dalam bidang ilmu mantik (Hassan Ahmad 1998).

Bukunya al-Risalah adalah dianggap karangan beliau yang pertama dalam bidang Usul Fiqh yang mana beliau menyusunnya pada permulaanya di Bagdad dan memperbaharui susunannya di Mesir. Dalam buku tersebut, beliau telah membincangkan mengenai hukum yang terdapat didalam al-Quran, Sunnah dan penerangan al-Quran melalui Sunnah, ijmak dan Qiyas, nasakh dan mansukh, perintah dan larangan, berhujah dengan hadis ahad, Qiyas dan istihsan dan apa yang harus dan tidak harus dipertikaikannya. Manakala dari segi cara penulisannya di dalam kitab al-Risalah didapati penulisannya begitu mendalam dan teliti, sentiasa mempunyai bukti dalam setiap apa yang diperkatakan disamping perbincangan

terhadap pandangan-pandangan lain secara akademik dan terbuka (Hassan Ahmad 1998 & Zaydan 2001).

Selepas berakhirnya zaman penulisan Imam al-Syafie, muncul beberapa orang ulama yang menyambung usaha yang dilakukan oleh Imam al-Syafie diantaranya Imam Ahmad bin Hanbal. Beliau banyak menulis buku yang berkaitan dengan bidang ilmu Usul Fiqh antaranya buku *ta'at al-Rasul*, buku *al-Ilal* dan buku nasakh dan mansukh. Jika dilihat dalam penulisan mereka, kebanyakan daripadanya berkisar kepada hukum, bukti, cara-cara mengeluarkan hukum dan sebagainya, meskipun mereka bersetuju dalam isi kandungan tetapi mereka berbeza dari segi cara penyusunan dan penyampaian dalam sesuatu tajuk itu. Selepas berakhirnya era Imam Ahmad bin Hanbal, ramai dikalangan pengikut-pengikut mereka yang berusaha mengembangkan ilmu Usul Fiqh ini secara meluas mengikut panduan yang mereka pelajari daripada Imam-imam mereka sebelum ini (Hassan Ahmad 1998).

2.3 KEPENTINGAN DAN FAEDAH MEMPELAJARI ILMU USUL FIQH

Setiap ilmu yang dipelajari sudah tentu mempunyai kepentingan dan faedahnya. Antara faedah dan kepentingan utama mempelajari ilmu Usul Fiqh bagi mereka yang mempunyai kelayakan sebagai mujtahid adalah kemampuan untuk mengeluarkan hukum dan mengetahui hukum-hukum syarak yang berbentuk amali daripada dalil-dalilnya yang terperinci. Mereka yang sampai ke tahap mujtahid ini mampu menggunakan kaedah Usul Fiqh ini untuk memahami nas-nas syarak samaada yang jelas ataupun tidak dan mampu menggunakan Qiyas, istihsan, istislah dan sebagainya daripada kaedah-kaedah Usul Fiqh untuk mengetahui hukum-hukum peristiwa yang baru berlaku (al-Zuhaily 1999). Di samping itu juga terdapat banyak lagi kepentingan dan faedah mempelajari ilmu Usul Fiqh bagi mereka yang tidak sampai ke tahap mujtahid antaranya:

1. Percubaan mengeluarkan hukum terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku yang tidak disebut hukumnya dalam kitab-kitab mazhab, maka disini dengan wujudnya kaedah Usul Fiqh yang telah disediakan oleh ulama-ulama usul,

mereka mampu untuk menjawab atau mencari jalan penyelesaian sekiranya mereka menghadapi isu-isu yang tidak dibincangkan lagi oleh ulama-ulama terdahulu.

2. Membuat perbandingan antara mazhab-mazhab fiqh mengenai sesuatu isu dengan membincangkan semua pendapat-pendapat ulama, termasuk dalil-dalil setiap pendapat, kemudian membuat perbandingan dan timbang tara terutama dari segi kekuatan dalil untuk memilih satu pendapat yang lebih tepat dan sah. Perkara-perkara seperti ini tidak dapat dilakukan atau dilaksanakan kecuali dengan mengetahui kaedah-kaedah Usul Fiqh (Salqini 1991).
3. Mengkaji cara yang sah dan akademik bagaimana penulisan ilmu Usul Fiqh ini dibukukan dan disusun oleh ulama-ulama terdahulu.
4. Memelihara agama dan dalil-dalilnya, hujah-hujahnya dan hukum-hakamnya daripada disesatkan oleh orang-orang yang berpaling dari agama Islam. Dengan adanya ilmu Usul Fiqh ini kita dapat melindungi agama kita seterusnya dapat mempertahankannya sekiranya terdapat orang-orang yang cuba memesongkan ajaran Islam dan sebagainya.
5. Memahami hukum-hukum yang dibuat kesimpulannya oleh para mujtahid dan merasai tenteram jiwa dengan hukum-hukum tersebut (Hassan Ahmad 1998).

Memandangkan ilmu ini satu kaedah dalam mengeluarkan hukum, sudah tentulah ianya amat penting dan berfaedah kepada umat Islam pada zaman era globalisasi ini. Melalui ilmu ini para cerdik pandai dapat menyelesaikan masalah-masalah semasa bukan sahaja yang berkaitan dengan perkara-perkara hukum sahaja malahan ia juga amat penting dalam menyelesaikan masalah dari segi perubatan, ekonomi, undang-undang dan sebagainya.

Ilmu ini juga dapat melahirkan para mujtahid pada masa kini, walaupun peringkat mujtahid itu berbeza-beza namun sekurang-kurangnya dengan mempelajari ilmu ini

kita dapat mengenalpasti kemampuan seseorang mujtahid itu dalam menguasai bidang ijthad dan peringkat mujtahid yang dicapai.

Ilmu Usul Fiqh ini amat penting dan ia merupakan syarat untuk menjadi mujtahid, tanpa pengetahuan dan penguasaan yang mendalam tentang ilmu ini disamping ilmu-ilmu yang lain tidak layak seseorang itu digelar mujtahid.

Kesimpulannya, ilmu Usul Fiqh ini merupakan ilmu yang penting dalam memahami makna-makna nas al-Quran dan Sunnah, satu ilmu yang mendalam dan teliti yang mana ianya menjadi panduan kepada setiap mujtahid, mufti dan ulama serta cendikiawan Islam. Ilmu ini digunakan oleh mereka ketika berhadapan dengan perbezaan pendapat antara mazhab, perbandingan antara mazhab untuk menjelaskan setiap dalil dan illah, disamping penerangan dalil yang lemah dan kuat, yang sahih dan batil dan sebagainya termasuk kajian terhadap ayat-ayat al-Quran dan Sunnah (Salqini 1991).

2.4 FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG, KUIM

Fakulti Syariah dan Undang-Undang¹ (FSU) merupakan antara tiga fakulti terawal yang ditubuhkan di Kolej Universiti Islam Malaysia. FSU ditubuhkan untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

- a. Mengeluarkan siswazah yang mampu dan mahir dalam syariah dan undang-undang yang merangkumi berbagai-bagai kursus syariah dan undang-undang sivil serta undang-undang perbandingan.
- b. Melahirkan ilmuan yang mampu menyelesaikan masalah masyarakat dan negara, terutamanya yang berkaitan dengan hukum Islam.

¹ Dahulunya dikenali sebagai Fakulti Syariah dan Kehakiman. Nama baru fakulti ini diubah pada 23 Oktober 2003 bagi menyesuaikan dengan program-program yang ditawarkan di fakulti ini. Ia terdiri daripada dua disiplin bersepadu iaitu Syariah dan Undang-Undang yang bertaraf profesional. Lihat Panduan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian 2004/2005 Fakulti Syariah dan Undang-Undang 2004: 13.

- c. Melengkapkan siswazah dengan ilmu pengetahuan Islam dan mendidik peribadi mereka supaya beriltizam dengan penghayatan Islam.
- d. Membekalkan tenaga manusia yang berkebolehan dalam bidang syariah dan undang-undang secara profesional untuk peluang kerjaya yang bersesuaian dalam bidang perundangan Islam dan sivil.

Pada permulaan penubuhan fakulti ini, hanya satu program yang ditawarkan iaitu Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan kepujian². Mulai sesi pengajian 2005/2006, FSU menawarkan dua program baru pra-siswazah seperti berikut:

- a. Ijazah Sarjana Muda Syariah Dan Undang-Undang Dengan Keputian (Program 5 tahun).
- b. Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa Dengan Keputian (Program 4 tahun).

2.4.1 Subjek Usul Fiqh

Subjek Usul Fiqh³ bagi program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman terbahagi kepada dua, iaitu LAA 1042 Usul Fiqh I dan LAA 2013 Usul Fiqh II. LAA 1042 Usul Fiqh I adalah kursus Teras Pengajian Islam yang bernilai 2 unit dan ditawarkan pada semester dua. Manakala LAA 2013 Usul Fiqh II adalah kursus program yang bernilai 2 unit dan ditawarkan pada semester tiga. Lihat jadual dibawah:

² Program ini tidak lagi ditawarkan mulai sesi pengajian 2005/2006 kerana digantikan dengan program baru. Pelajar-pelajar program ini yang diambil pada sesi pengajian 2004/2005 akan meneruskan pengajian mereka sehingga tamat.

³ Penyelidikan ini adalah berdasarkan program Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman. Semua data dan maklumat diambil daripada pelajar-pelajar program ini tahun 2 sesi 2004/2005 dan pelajar-pelajar tahun 3 sesi 2004/2005.

Jadual 1

Komponen Kursus	Kod Kursus	Jenis Kursus	Jumlah Unit	Taraf Kursus
1. Kursus Kolej Universiti +		I. 2 Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia:		
	UTA 1012	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
	UTA 1022	Tamadun Islam dan Tamadun Asia	2	WU
		II. 5 Kursus Pengajian Umum:		
	UTA 1032	Pengantar Teknologi Maklumat	2	WU
	UTA 1042	Pemikiran Kritis dan Kreatif	2	WU
	UTA 2012	Pengantar Komunikasi	2	WU
	UTA2022	Asas Pengurusan Kualiti	2	WU
	UTA 2032	Metodologi Penyelidikan	2	WU
		III. 1 Kursus Latihan Amali / Industri:*	4	WU
		IV. 2 Kursus Ko-Kurikulum:		
	CAA 2011	Ko-Kurikulum (Pengajian Halaqah)	1	WU
CAA 2021	Ko-Kurikulum (Muhadathah Hurrah)	1	WU	
	Jumlah Unit		20 (16)	

2. Kursus Teras Fakulti +		I. 4 Kursus Kemahiran Bahasa Arab:		
	UBA 1012	Maharat al-Qiraah	2	WF
	UBA 1022	Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah	2	WF
	UBA 2012	Maharat al-Kitabah	2	WF
	UBA 2022	Maharat al-Istima ^c wa al-Fahm	2	WF
		II. 2 Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris:		
	UBE 1012	Bahasa Inggeris I	2	WF
	UBE 1022	Bahasa Inggeris II	2	WF
		III. 13 Teras Pengajian Islam:		
	AAA 1012	Akidah Islam	2	WF
	AAA 2022	Akhlak dan TaSAWuf	2	WF
	LAA 1012	Fiqh Ibadat dan Munakahat	2	WF
	LAA 1052	Fiqh Muamalat dan Jinayat	2	WF
	LAA 1042	Usul Fiqh I	2	WF

	QAA 1012	Ulum al-Quran	2	WF
	QAA 1022	Ulum al-Hadith	2	WF
	QAA 2012	Pengantar Qiraat dan Hafazan	2	WF
	AAA 1022	Metodologi Dakwah	2	WF
	AAA 2012	Pemikiran Islam Semasa	2	WF
	QAA 1042	Sirah Rasul	2	WF
	LAA 1022	Tarikh Tashri ^c	2	WF
	LAA 1032	Sistem Undang-Undang di Malaysia	2	WF
	Jumlah Unit		38	

3. Kursus Program +	LAA 2013	Usul Fiqh II	3	WP
	LAA 2043	Qawa ^c id Fiqh	3	WP
	LAA 3053	Siyasah Syar ^c iyah	3	WP
	LAA 2023	Fiqh al-Mu ^c asir	3	WP
	LAA 3013	Fiqh al-Qada'	3	WP
	LAA 2033	Undang-Undang Perlembagaan dan Pentadbiran Perbandingan	3	WP
	LAA 3033	Undang-Undang Keterangan Perbandingan	3	WP
	LAA 1063	Undang-Undang Kontrak	3	WP
	LAA 2063	Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia	3	WP
	LAA 2053	Al-Ahwal al-Syakhsiyyah	3	WP
	LAA 3023	Fiqh al-Mawarith	3	WP
	LAA 3064	Moot/Mock dan Penempatan*	4	WP
	LAA 3043	Undang-Undang Acara Mal dan Jenayah di Mahkamah Syariah	3	WP
	LAA 3073	Projek Ilmiah	3	WP
		Jumlah Unit		43

4. Kursus Elektif #	QAA 2033	Tafsir Ayat-Ayat Hukum	3	LP
	QAA 2053	Hadith Hukum	3	LP
	QAA 3013	Ilmu Takhrij	3	LP
	AAD 3043	Al-Firaq al-Islamiyyah	3	LP
	AAD 2103	Organisasi Dakwah Masa Kini	3	LP
	AAD 2083	Al-Milal Wa al-Nihal	3	LP
	UBE 2033	Literature in English	3	LP
	UBE 2043	Creative Writing	3	LP
	UBE 2053	Bahasa Inggeris III	3	LP
	Jumlah Unit		12	
	JUMLAH SEMUA		109	

RUJUKAN

- Field, Andy. 2000. *Discovering Statistics Using SPSS for Windows*. London: Sage Publications.
- Hassan Ahmad. 1998. *Usul Fiqh*. Kuala Lumpur: D.G Gemilang Sdn. Bhd.
- Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 1996. *Ghayat al-Wusul Ila Daqa'iq 'ilm al-Usul, al-Mabadi' wa al-Muqaddimat*. T.tp: T.pt.
- Khallaf, Abd al-Wahhab. T.th: *'Ilm Usul al-Fiqh*. T. tp: Dar al-Qalam.
- Al-Khin, Mustafa Sa'id. 2000. *Abhas Hawla Usul al-Fiqh al-Islamiyy, Tarikhuh Wa Tatawwuruh*. Damsyik : Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Panduan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian 2004/2005 Fakulti Syariah dan Undang-Undang*. 2004. Kuala Lumpur: Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).
- Al-Qattan, Manna'. 1989. *Tarikh al-Tashri' al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qindil, Muhammad Husain. 1994. *Fiqh al-Sunnah*. T.tp:T.pt.
- Salqiniyy, Ibrahim Muhammad. 1991. *al-Muyassar Fi Usul al-Fiqh al-Islamiyy*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Zaydan, Abd al-Karim. 2001. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Cet. 7. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1999. *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Dimashq: Dar al-Fikr.